

SOALAN NO. 31**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK CHE MOHAMAD
ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017

SOALAN :

YB Datuk Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik peminjam bank yang mufliis akibat gagal membayar ansuran bulanan pinjaman bank setakat ini serta undang-undang yang dirangka bagi melindungi peminjam yang ditindas oleh institusi pemberi pinjaman.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik terkini Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) menunjukkan bahawa dari tahun 2013 sehingga Ogos 2017, seramai 94,408 orang telah diisytihar bankrap. Daripada jumlah tersebut, seramai 91,180 orang (96.58%) diisytihar bankrap berikutan kegagalan membayar ansuran pinjaman yang diberikan oleh Institusi-institusi Kewangan.

Dari tahun 2013 sehingga Ogos 2017, jumlah bankrap dalam kategori produk institusi kewangan adalah seramai 91,180 orang dengan jumlah tertinggi pada tahun 2014 seramai 21,641 dan terendah setakat Ogos 2017 adalah seramai 11,522 orang.

Kategori kebankrapan oleh produk-produk Institusi Kewangan ini termasuk sewa beli kenderaan, pinjaman peribadi, pinjaman perumahan, pinjaman perniagaan, kad kredit, penjamin sosial dan penjamin korporat. Di antara produk-produk ini, sewa beli kenderaan menyumbang jumlah tertinggi iaitu seramai 25,137 orang (27.57%) dan terendah ialah penjamin korporat iaitu 2,954 orang (3.24%).

Kerajaan memandang serius perkara ini, justeru melaksanakan pelbagai inisiatif menanganinya antaranya melalui penggubalan sebuah Akta Kredit

Pengguna untuk mengawal aktiviti pemberian kredit dan secara langsung, memberi lebih perlindungan kepada pengguna. Seterusnya, salah satu bahagian perlindungan pengguna yang akan dipertimbangkan adalah supaya pembekal perkhidmatan kewangan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada peminjam yang menghadapi masalah kewangan yang tidak diduga sekiranya mereka memenuhi kriteria kelayakan.

Bank Negara Malaysia juga turut mengeluarkan Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang menghendaki institusi kewangan membantu peminjam yang mengalami masalah dalam membuat bayaran balik pinjaman akibat penyakit, pengangguran atau sebab-sebab munasabah yang lain. Sekiranya didapati bahawa peminjam menghadapi kesukaran untuk membayar balik pinjaman atau ingin berbincang mengenai pelan pembayaran balik alternatif, institusi kewangan harus memberi pertimbangan yang wajar ke atas permohonan peminjam dan menawarkan pelan pembayaran balik alternatif yang sesuai dengan keadaan dan situasi kewangan peminjam.

Selain itu, peminjam boleh juga mendapatkan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Dimana AKPK merupakan sebuah agensi bebas yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman individu.

Sekian, terima kasih.